

07 AUG 1999

Abdullah-Pendatang

KDN TELITI MEMORANDUM MENGENAI MASALAH PENDATANG DI SABAH

KOTA KINABALU, 7 Ogos (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri sedang meneliti beberapa memorandum yang telah dihantar oleh parti komponen Barisan Nasional Sabah berhubung kehadiran ramai pendatang tanpa izin di negeri itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata memorandum itu yang dihantar kepada beliau, menyentuh pelbagai perkara yang berkaitan.

"Semua memorandum yang diberi itu tebal-tebal belaka dan banyak perkara yang disebut dan ini akan dikaji untuk tindakan sewajarnya," katanya kepada pemberita di terminal lama lapangan terbang Kota Kinabalu di sini sebelum pulang ibu negara selepas lawatan sehari ke Sabah.

Ketika ditanya mengenai tanggapan orang ramai bahawa masalah pendatang tanpa izin di Sabah masih berlanjutan walaupun program pemutihan telah dijalankan, Abdullah berkata: "Kita memang memandang berat tanggapan bahawa terdapat masalah, jadi kita kena hapuskan tanggapan itu."

Mengenai keengganan parti pembangkang menganggotai Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), beliau berkata ia menunjukkan sikap mereka yang lebih suka bersendirian dan kemudian mengkritik keputusan yang dibuat oleh kerajaan.

"Ini supaya nanti senanglah mereka nak cakap apa pun kerana mereka tidak terikat dengan apa juga perjanjian yang dibuat bersama di dalam Mapen II," katanya.

Dua wakil daripada Parti Bersatu Sabah bagaimanapun berada dalam senarai 155 anggota Mapen II yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas.

"Situasi di Sabah tak sama seperti di Semenanjung dan bagi mereka (wakil parti pembangkang di Sabah) yang telah melibatkan diri dalam Mapen II, kita mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan penyertaan mereka," kata Abdullah.

Selain merasmikan kongres kelima Parti Demokratik Sabah (PDS) dan menghadiri majlis penyampaian cek bantuan rakyat Kosovo, beliau juga mengadakan perjumpaan khas dengan pemimpin BN negeri.

"Antara yang dibincangkan ialah persiapan untuk sambutan jubli perak Barisan Nasional dan juga persiapan untuk menghadapi pilihan raya. Bila tarikhnya, saya sendiri tidak tahu," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI